



Ruj tuan :
Ruj kami : Bil (81)d/m MDTM(PPK)01/04/99

3 Rabiulakhir 1445H
17 Oktober 2023

KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Tawaran adalah terbuka kepada Kontraktor Bumiputera dan Bukan Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di dalam kepala dan sub kepala yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja seperti di bawah. **KEUTAMAAN ADALAH KONTRAKTOR BUMIPUTERA YANG BERADA DI DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM.**

NO. SEBUTHARGA	BUTIR-BUTIR TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN
MDTM 06/10/10 - 50/2023	Sebutharga Perkhidmatan Sewaan, Pemasangan Dan Penyelenggaraan Kanopi Bagi Bazar Ramadan Behrang 2020 Tahun 2024M / 1445H Di Jalan Wawasan Mesra Utama, Behrang 2020	Kementerian Kewangan Malaysia Dibawah Kepala 221305	RM 20.00
MDTM 06/10/10 - 51/2023	Sebutharga Perkhidmatan Sewaan, Pemasangan Dan Penyelenggaraan Kanopi Bagi Bazar Ramadan Slim River Tahun 2024M / 1445H Di Pusat Perniagaan Slim Perdana, Slim River	Kementerian Kewangan Malaysia Dibawah Kepala 221305	RM 20.00

2. Naskah meja tawaran akan dipamerkan di pejabat Majlis Daerah Tanjong Malim dari 20 Oktober 2023 hingga 27 Oktober 2023 semasa waktu pejabat.

3. Dokumen tawaran akan dijual mulai 20 Oktober 2023 hingga 27 Oktober 2023 mengikut waktu pembayaran seperti berikut:-

ISNIN – KHAMIS	JUMAAT
Pagi : 8.15 pagi – 12.45 tengahari Petang : 2.15 petang – 4.30 petang	Pagi : 8.15 pagi – 12.00 tengahari Petang : 2.45 petang – 4.30 petang

Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tarikh dan waktu dinyatakan ini.

4. **Penyebutharga diwajibkan membawa bersama salinan asal (termasuk satu salinan fotostat) Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia, Perakuan Pendaftaran Perniagaan(SSM).**

5. Pembayaran dokumen tawaran hendaklah berbentuk tunai bank draf atau wang kiriman pos di buat atas nama Yang Dipertua Majlis Daerah Tanjong Malim. Salinan asal (termasuk satu salinan fotostat) Sijil Pendaftaran Kemeterian Kewangan Malaysia diperlukan semasa mengambil dokumen tawaran. Tawaran hendaklah dibuat di atas dokumen tawaran yang diambil daripada Majlis Daerah Tanjong Malim.


6. **Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan nombor tawaran di penjuru sebelah kiri dan dimasukkan ke dalam peti tawaran di Pejabat Majlis Daerah Tanjong Malim pada atau sebelum 27 Oktober 2023 (Jumaat) jam 12.00 tengahari. Sebarang tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa yang ditetapkan akan ditolak.**

7. Majlis ini tidak tertakluk untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran tertentu.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ROSLAN BIN KAMARUZAMAN)

Setiausaha

b.p Yang Dipertua

Majlis Daerah Tanjong Malim

SAR/mzms

“PERAK SEJAHTERA 2030”
“PROMISING PERAK” TMP2024